



# Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

BIL. 4/2003

OKTOBER - DISEMBER 2003

EDARAN PERCUMA

## MAJLIS JAMUAN HARI RAYA BERSAMA KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Majlis Jamuan Hari Raya Bersama Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK telah berjaya diadakan dengan jayanya pada 10 Syawal 1424 bersamaan dengan 4 Disember 2003.

**S**eperti tahun sebelumnya, majlis ini telah diadakan di Ruang Legar Tingkat 2, Bangunan PKINK. Bagi menampakkan kemeriahannya hari raya, ruang legar telah dihiasi dengan cerianya oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Persiapan Tempat yang diketuai oleh En. Ramli Hamzah dari Bahagian Pembangunan Usahawan. Majlis bertambah ceria dengan kehadiran tetamu-tetamu yang berpakaian baju melayu dan berbaju raya bersama keluarga masing-masing.

Adalah dianggarkan seramai 1,000 orang jemputan termasuk YAB, Tuan Guru Dato' Menteri Besar, YB Dato' Timbalan Menteri Besar, Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri, YB Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan

Negeri serta lain-lain tetamu telah sudi hadir bagi memeriahkan suasana. Selain dari menikmati pelbagai juadah yang terhidang, anggota-anggota kumpulan PKINK dan tetamu undangan dapat mengambil kesempatan untuk beramah mesra, bertanya khabar dan bermaaf-maafan di antara satu sama lain. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan selaku Pengurus PKINK telah sudi menyampaikan cenderahati dan wang tunai kepada anggota-anggota PKINK yang telah bersara dan berkhidmat lebih daripada 15 tahun. Dikesempatan ini, Ketua Eksekutif mengucapkan Selamat Hari Raya dan maaf zahir dan batin kepada semua anggota. Kalau ada rezeki dan umur yang panjang, tahun hadapan kita berjumpa lagi. Insya-Allah.



# SIDANG EDITOR

Penaung

Ybrs. Tuan Hj. Hanifa Ahmad

Ketua Editor

Ybrs. Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

Editor

Ybhg. Datin Hajjah Norsiah Musa

Penolong Editor

En. Ahmad Hilmi Mohd Nawawi

Pn. Ahlaami Hj. Ab. Halim

Pn. Nik Farzimar Nik Omar

En. Mohd Roslan Md. Zain

Cik Sofia Aizan Che Soh

Pn. Zakiah Mohamed

YM. Tengku Petra Tengku Wook

En. Rosdi Said

Jurufoto

En. Mohd Ghazali Mahmood.

## Dari Editor

Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarrakatuh.

**S**elamat bertemu kembali melalui buletin PKINK yang terakhir bagi tahun ini. Tahun 2003 hampir menuju ke penghujungnya. Banyak suka dan duka telah ditempuhi sepanjang tahun ini.

Pihak pengurusan menyusun sepuluh jari memohon kemaafan sekiranya ada perbuatan atau kata-kata yang menguris perasaan tuan puan sekalian. Kami amatlah memerlukan pandangan dan kritikan yang membina dari tuan puan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pihak kami.

Tidak ketinggalan, saya bagi pihak PSM khususnya dan PKINK amnya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua petugas-petugas yang telah berkhidmat secara sukarela tanpa mengenal penat dan lelah mahupun hujan atau panas dalam memastikan setiap majlis PKINK berjalan lancar.

Akhir sekali, saya ingin menegaskan bahawa peranan kita amatlah penting dalam mencorakkan kejayaan PKINK di masa-masa hadapan tanpa mengira taraf, jawatan ataupun kedudukan. Secara perbandingannya, tidak akan wujud projek jutaan ringgit tanpa khidmat 'drebar-drebar' yang membawa Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pelabur-pelabur ke pejabat kita dari lapangan terbang. Hayatilah pengajaran yang cuba di bawa di dalam kisah "Mahalnya Sebuah Penghomatan" di dalam buletin kali ini untuk pedoman dan renungan kita bersama.

*Salam Editor.*

Berita PKINK diterbitkan oleh:

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan,  
Tingkat 8-11, Bangunan PKINK,  
Jalan Tengku Maharani,  
Peti Surat 142,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan.

Rekabentuk & Cetakan oleh:

**DIAN DARULNAIM SDN. BHD.**  
5315 A, Jalan Sultan Yahya Petra  
Peti Surat 150,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan.

## MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN USAHASAMA BAGI PEMBINAAN & OPERASI KILANG SAWIT ANTARA SYARIKAT LADANG SUNGAI TERAH (SLST) SDN. BHD. DENGAN AGRO PALM SDN. BHD.

Majlis menandatangani perjanjian usahasama bagi pembinaan dan operasi kilang sawit Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd. dan Agro Palm Sdn. Bhd. telah berjaya diadakan pada 20 Syaaban 1424 bersamaan dengan 16 Oktober 2003 di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK. Majlis ini telah dihadiri oleh Ketua Eksekutif PKINK, Pengurus-Pengurus Bahagian PKINK, Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan SLST Sdn. Bhd. serta Ahli Lembaga Pengarah Agro Palm Sdn. Bhd.

YB. Haji Zulkifli b. Mamat selaku Pengurus Lembaga Pengarah SLST telah memberi ucapan alu-aluan bagi mewakili SLST manakala Mr. Ling Ting Hang selaku Pengarah Agro Palm Sdn. Bhd. telah memberi penerangan tentang projek yang akan dijalankan.

Perjanjian telah ditandatangani oleh Haji Mohd Suhane b. Ibrahim Araui selaku (Pengarah Eksekutif SLST) dan Haji Mohamad Alwi b. Ya (Ahli Lembaga Pengarah SLST). Agro Palm Sdn Bhd pula diwakili oleh Mr. Ling Ting Ching (Pengarah) dan Mr. Ling Ting Hang (Pengarah Urusan).

Anggaran kos keseluruhan kilang tersebut dijangka menelan belanja sebanyak RM 17, 000,000 dan ditanggung sepenuhnya oleh pihak pelabur. Pembinaan dijangka siap dalam tempoh



16 bulan selepas mendapat kelulusan lesen dari pihak yang berkenaan. Hasil usahasama ini, SLST Sdn. Bhd. akan memperolehi ekuiti sebanyak 15% secara 'free carry'. Semoga dengan pelaksanaan projek ini kelak akan menambah keuntungan kepada PKINK dan SLST Sdn Bhd.



## SEKITAR PROGRAM IHYA RAMADHAN 1424

Program Ihya Ramadhan PKINK telah diteruskan tradisinya pada sepanjang bulan Ramadhan 1424 yang lalu. Ianya bermula pada pertengahan Syaaban dengan mengadakan ceramah khas sempena persediaan menghadapi bulan Ramadhan yang telah disampaikan oleh Ybhg. Ustazah Mariam Omar, Pengetua Ma'ahad Muhammadi Pasir Pekan.

Disepanjang bulan Ramadhan, beberapa program telah diadakan seperti alunan zikir Munajat pada setiap pagi, solat Sunat Dhuha secara berjemaah, Tadarus dan Tafsir Al-Quran yang dipimpin oleh ustaz-ustaz dari Ma'ahad Pulai Chondong. Pada bulan Ramadhan itu juga majlis berbuka puasa bersama Ahli Lembaga Pengarah PKINK, Ahli Lembaga pengarah Syarikat Anak, Pengurus-Pengurus Besar Syarikat Anak, Pengurus-pengurus Bahagian dan anggota PKINK telah diadakan di Dewan Bunga Tanjung, Hotel Perdana.



PKINK juga tidak ketinggalan memberi sumbangan kepada anggota yang mempunyai tanggungan yang ramai dan tidak berkeupayaan. Sumbangan derma juga telah agihkan kepada masyarakat-masyarakat luar yang uzur, sakit, ibu tunggal dan fakir miskin.



## CERAMAH PERSEDIAAN MENYAMBUT RAMADHAN AL-MUBARAK

**" WAHAI ORANG YANG BERIMAN! KAMU DIWAJIBKAN BERPUASA SEBAGAIMANA DIWAJIBKAN ATAS ORANG-ORANG YANG TERDAHULU DARIPADA KAMU, SUPAYA KAMU BERTAQWA "**

(Surah Al-Baqarah, ayat 183)

Pada 19 Syaaban 1424 bersamaan dengan 15 Oktober 2003, ceramah persediaan menyambut Ramadhan Al-Mubarak peringkat PKINK telah berjaya diadakan bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10. Anggota-anggota PKINK dan penghuni-penghuni bangunan telah hadir secara beramai-ramai untuk mendapat manfaat dari majlis tersebut.

Ceramah khas ini telah disampaikan oleh penceramah undangan iaitu Ybhg Hjh. Ustazah Mariam Omar, Pengetua Ma'ahad Muhammadi, Pasir Pekan. Diantara intipati yang dapat dipetik daripada ceramah tersebut ialah dalam bulan Ramadhan ini, tiap-tiap kebaikan yang kita lakukan akan dibalas sepuluh kali ganda kecuali kebaikan puasa yang akan dibalas oleh Allah S.W.T sendiri. Kita sebagai manusia di muka bumi ini yang beragama Islam sememangnya wajib menunaikan Rukun Iman yang ketiga iaitu berpuasa dibulan Ramadhan. Puasa terbahagi kepada tiga darjah iaitu puasa orang awam yakni puasa menahan lapar dan dahaga sahaja, kedua puasa pula ialah puasa "khawwas" yakni tidak makan

dan minum dan menjaga segala anggota (pancaindera) yang tujuh iaitu mata, mulut, telinga, tangan, kaki, perut dan kemaluhan. Yang terakhir pula ialah puasa orang "khawwas al-khawwas" yakni puasanya seperti orang "khawwas" (di atas) ditambah pula tidak larai sedikitpun pada Allah S.W.T.

Apa yang dapat disimpulkan disini ialah ceramah ini bukan sekadar majlis untuk berkumpul dan makan, namun apa yang penting ialah kita sama-sama menghayati bulan Ramadhan ini dengan penuh keberkatan dari Allah S.W.T. untuk kebaikan dunia dan akhirat. Majlis tamat kira-kira jam 12.30 tengahari dengan jamuan makan tengahari.



# **Belia dan Beliawanis Seluruh Kelantan Sertai Kursus Asas Belia Niaga 2003 Anjuran PKINK**

Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK sekali lagi telah berjaya menganjurkan Kursus Asas Belia Niaga 2003 untuk belia dan beliawanis dan seluruh negeri Kelantan pada 6 hingga 8 Oktober 2003 lalu bertempat di Kompleks Belia Dan Sukan Negeri Kelantan, Panji Kota Bharu.

Kursus ini merupakan kursus yang dianjurkan setiap tahun oleh Bahagian Pembangunan Usahawan khusus untuk golongan belia dan beliawanis yang berminat mencebur ke dalam perniagaan serta bercita-cita untuk menjadi seorang usahawan berjaya pada masa hadapan. Kursus ini bertujuan untuk membantu meningkatkan penyertaan para belia dari seluruh negeri Kelantan dalam bidang perniagaan di samping memberi pendedahan kepada golongan ini mengenai aspek-aspek penting yang menjadi asas dalam pengoperasian perniagaan.

Seramai 33 orang belia dan beliawanis telah menyertai kursus ini yang diadakan selama 3 hari 2 malam yang telah

dirasmikan oleh Pengurus Pembangunan Usahawan PKINK, Tuan Hj. Mohamad Alwi b. Ya. Sepanjang kursus ini, sebanyak 7 kertas kerja telah dibentangkan yang meliputi kaedah penyediaan rancangan perniagaan, mengenalpasti peluang-peluang perniagaan, perakaunan, pemasaran, rancangan operasi, keusahawanan dari perspektif Islam, slot bersama usahawan jemputan dan taklimat pembiayaan oleh pihak MARA.

Program kursus belia niaga yang dianjurkan ini diharap dapat memberi input yang baik dan berkesan kepada semua peserta dalam memastikan golongan belia ini mengambil manfaat dan peluang seluas-luasnya dalam memahami konsep asas pengurusan perniagaan, meningkatkan pengetahuan berkaitan keusahawanan dan seterusnya dapat menjadikan bidang keusahawanan atau perniagaan sebagai satu kerjaya yang mempunyai prospek yang amat cerah pada masa hadapan. Ia juga sebagai satu usaha PKINK untuk menjayakan matlamat kerajaan dalam memastikan kadar pengangguran dikalangan belia dapat dikurangkan.

Kursus 3 hari tersebut telah diakhiri dengan majlis penutup dan penyampaian sijil penyertaan yang telah disempurnakan oleh Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Negeri Kelantan, Yang Berhormat Haji Zulkifli Mamat.



Peserta-peserta  
Kursus Asas Belia  
Niaga 2003 sedang  
mengikuti kursus.

# MAJLIS PECAH TANAH "KELANTAN TRADE CENTRE"

Kelantan Trade Centre (KTC) yang bernilai RM 50 juta ini akan dibangunkan secara kerjasama di antara PKINK dengan Kumpulan Kelkon Sdn Bhd di atas sekeping tanah milik PKINK seluas 74,085 kaki persegi dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2006.

Perancangan pembangunan KTC telah mengambilira lokasi tapak yang strategi dan pembangunan persekitaran yang sedia ada. Secara ringkasnya, komponen-komponen yang ada dalam KTC adalah sebuah dewan pameran, ruang-ruang niaga, ruang-ruang pejabat dan pangsa-pangsa studio termasuk unit-unit kondominium dan penthouse.

Majlis Pecah Tanah bagi memulakan projek ini telah diadakan pada 24 Syawal 1424 bersamaan 18 Disember 2003. Yabs. Haji Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan dalam ucapan aluananya pada majlis tersebut menyatakan bahawa Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan sungguh berluah kerana dapat menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi Negeri Kelantan.

Ini dapat dilakukan semata-mata kerana Perbadanan telah mendapat kerjasama yang sungguh baik daripada semua pihak terutama Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Pejabat Tanah & Jajahan Kota Bharu dan lain-lain jabatan dan agensi kerajaan. Kelantan Trade Centre juga adalah projek usahasama di antara PKINK dengan syarikat anaknya iaitu Keikon Sdn Bhd.



Majlis ini disempurnakan oleh YAB. Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan yang juga Pengurus PKINK. Majlis ini turut dihadiri oleh Exco-Exco Kerajaan Negeri Kelantan, Pengurus Kelkon Sdn Bhd, YB Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, Pengurus Besar Kelkon Sdn. Bhd., Pengurus-Pengurus Bahagian PKINK, Pengurus Besar syarikat anak serta lain-lain tetamu yang melebihi 700 orang.



# LAWATAN JAWATANKUASA PEMBINAAN MASJID BERSENIBINA CINA DAN INDIA KE NEGARA UZBEKISTAN

YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Masjid Bersenibina Cina Dan India telah menjemput wakil daripada PKINK untuk turut menyertai Lawatan Jawatankuasa Pembinaan Masjid Bersenibina Cina Dan India Ke Negara Uzbekistan pada 7-13 Oktober 2003. Wakil daripada PKINK ini juga telah diarahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan agar membuat perjumpaan dengan Dewan Perniagaan Uzbekistan bagi tujuan meninjau peluang pelaburan dan perniagaan di sana serta antara Kelantan dan Uzbekistan.

Anggota rombongan terdiri daripada:

1. YB Dato' Hj Abdul Halim Abdul Rahman – Timbalan Menteri Besar Kelantan
2. YBM Dato' Tengku Shah Buddin Tengku Mohd Maasum – Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
3. YABrs Tuan Hj Abd Halim Hj Ahmad – Pengarah Tanah & Galian Negeri Kelantan
4. YABrs Tuan Hj Hanifa bin Ahmad - Ketua Eksekutif PKINK
5. YB Hj Wan Othman bin Wan Yusoff – Ahli Lembaga Pengarah Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd
6. YBrs En Hashim Mohd Salleh – Penolong Pengarah (Arkitek) JKR
7. YBrs Tuan Hj Nik Kazim Hj Nik Yusoff – Ketua Penolong Setiausaha (Kerajaan

- Tempatan)
8. YBrs En Shahrin Abdullah  
– Pegawai Khas YB Dato' TMB
9. YBrs Puan Nik Farzimah bt Nik Omar  
– Penolong Pengurus Perancangan Korporat PKINK
10. YBrs En Jawahir Dollah  
– Pegawai Operasi KELKON Sdn Bhd
11. YBrs En Baderol Alam Awang  
– Penolong Pengarah (Uku Baharu) JKR
12. YBrs En Mohd Zaki Ibrahim  
– Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Duta Malaysia, H.E. Mohd Zin Abu Bakar serta pegawai diplomatik En Abdullah Zawawi Tahir telah mengunjungi rombongan di hotel pada pagi 13 Oktober 2003. Perbincangan dengan Duta Malaysia serta Pegawai Diplomatik telah banyak memberikan maklumat yang berguna kepada ahli-ahli rombongan seperti di bawah:

- o Ekonomi Uzbekistan masih lagi mundur kerana baru 12 tahun mencapai kemerdekaan daripada Russia
- o Keluaran utama iaitu kapas adalah 95% dikawal oleh kerajaan
- o Teraf hidup di sana amatlah rendah di mana doktor hanya mendapat gaji USD30 (@ RM114) sebulan manakala pendapatan bulanan seorang pensyarah ialah USD70 (@ RM266)

- o Pertalian perniagaan atau pelaburan dengan syarikat Uzbekistan amatlah tidak digalakkan kerana beberapa syarikat Malaysia telah pun menutup operasi disebabkan oleh kerensah birokrasi.
- o Sektor pelancongan disana amatlah memberangsangkan tetapi terbantut sedikit akibat masalah susah mendapatkan visa.

Kesimpulannya, lawatan ini telah berjaya mencapai matlamat asalnya iaitu mendapatkan pengetahuan dan "first-hand impression" ke atas bangunan-bangunan yang bersenibina Islam di Uzbekistan kerana sememangnya bandar Bukhara dan Samarkhand merupakan lambang kegemilangan tamadun Islam satu ketika dulu.

Dari sudut pelaburan dan perniagaan pula, peluang amat banyak kerana Uzbekistan dianugerahkan dengan bumi yang subur untuk pertanian serta penduduk yang mahir pertukangan dan kraftangan. Walaubagaimanapun, hasil perbincangan dengan pegawai Kedutaan Malaysia, adalah dirasakan bahawa niat untuk berurusan dengan pelabur dan peniaga Uzbekistan wajar ditangguhkan dahulu pada masa ini memandangkan prospeknya tidak begitu mengelakkannya.




## MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA AHLI LEMBAGA PENGARAH PKINK, PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH SYARIKAT ANAK, PENGURUS-PENGURUS BESAR SYARIKAT ANAK, PENGURUS-PENGURUS BAHAGIAN DAN ANGGOTA-ANGGOTA PKINK.

MAJLIS BERBUKA PUASA PKINK pada tahun ini telah berjaya diadakan dengan jayanya di Dewan Bunga Tanjong, Hotel Perdana Kota Bharu pada 25 Ramadhan 1424 bersamaan dengan 20 November 2003. Majlis ini telah dihadiri seramai 500 orang tetamu di mana jemputan utama adalah YB Dato' Hj. Abd. Halim Abd. Rahman, Timbalan Menteri Besar Kelantan.

Ucapan alu-aluan bagi majlis ini telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan, Hj. Hanifa Ahmad. Dalam ucapannya, beliau menyentuh tentang kemajuan dan keuntungan yang telah dicapai oleh PKINK pada tahun 2003 dan berharap akan dapat terus meningkat pada tahun hadapan. Belanjawan pada tahun 2004 turut menampakkan tanda-tanda yang positif. Menurutnya lagi, pencapaian positif ini akan dapat direalisasikan dengan kerjasama dan komitmen semua pihak sambada di peringkat Perbadanan ataupun Kumpulan.

YB Dato' Timbalan Menteri Besar pula dalam ucapannya menggaskan bahawa perjuangan Islam terletak di atas bahu semua orang, bukannya orang-orang tertentu sahaja. Kita kena libatkan diri dalam perjuangan Islam walaupun sedikit. YB Dato' turut mengulas beberapa potong ayat-ayat suci Al-Quran yang mana telah ditulis ahkan oleh Hj. Mahmud Ismail dari Bahagian Kewangan.

Majlis tamat pada jam 6.53 petang apabila azan Maghrib berkumandang menandakan masuknya waktu berbuka puasa dan solat Maghrib.



## SESI PENERANGAN DAN PENGENALAN PENGGUNAAN BATU DIMENSI GRANIT TEMPATAN DI DALAM PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN BARU, MEMBAIKPULIH, PENGUBAHSUAIAN DAN MENAIKTARAF BANGUNAN

Pada 27 Jamadil Akhir 1424 bersamaan 25 Ogos 2003, telah berlangsung sesi penerangan dan pengenalan penggunaan batu dimensi granit tempatan di dalam projek-projek pembangunan baru, membaikpulih, pengubahsuaian dan menaiktaraf bangunan.

Sesi penerangan bermula dengan ucapan En Ismail Affandi sebagai Pengurus Malgran Industries Sdn Bhd. Beliau menerangkan penggunaan batu granit di dalam industri pembinaan sejak kebelakangan ini adalah amat menggalakkan di mana batu granit amat mudah dijadikan kepingan-kepingan granit untuk digunakan di luar dan di dalam bangunan. Bangunan-bangunan yang menggunakan kepingan granit dapat bertahan lebih lama dan kelihatan lebih menarik untuk dijadikan bahan simpanan bagi generasi akan datang.

Turut hadir pada sesi penerangan tersebut Ketua Eksekutif Kumpulan, En. Zainaol Abidin b. Sulaiman iaitu Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Kelantan, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P), Timbalan Ketua Eksekutif (HEK), Pengurus-Pengurus Bahagian, Pengurus-Pengurus Syarikat Anak, dan pegawai-pegawai PKINK.



Dengan adanya sesi penerangan ini diharap akan dapat memberi pendedahan awal kepada tetamu-tetamu yang hadir mengenai penggunaan produk baru dalam industri pembinaan.



## MAHALNYA SEBUAH KEHORMATAN

Seorang pemuda masuk ke dalam sebuah kedai makan lalu memesan makanan. Tidak beberapa lamanya kemudian, pesanannya datang. Saat pemuda itu hendak menikmati makanannya, datanglah seorang anak kecil lelaki menjajakan kuih padanya, "Bang, mahu beli kuih, bang?" Dengan ramah pemuda yang sedang makan itu menjawab " Tidak, saya sedang makan".

Anak kecil tersebut tidak putus asa dengan cubaan pertama. Dia menunggu sampai pemuda itu selesai makan, lalu dia tawarkan lagi kuih dagangannya, "Bang, mahu beli kuih, bang ?" Pemuda tersebut menjawab, "Tidak dik, saya sudah kenyang".

Lalu, pemuda itu membayar dikaunter dan beredar pergi dari kedai makan tersebut. Sudah hampir seharian dia menjajakan kuih buatan ibunya. Dia tidak menyerah pada usahanya. Anak itu berfikir, "Cuba aku tawarkan kuih ini lagi pada pemuda itu. Siapa tahu kuih ini dijadikan ole-ole buat orang di rumahnya". Apa yang dilakukan oleh anak kecil itu adalah usaha gigih membantu ibunya menampung kehidupan yang serba sederhana ini.

Saat pemuda itu keluar dari kedai makan, anak kecil penjaja kuih itu menawarkan kuih dagangannya untuk yang ketiga kali, " Bang mahu beli kuih saya? ". Kali ini pemuda itu merasa malu untuk menolak. Kemudian , dia mengeluarkan wang RM 10 dari dompetnya dan diberikan pada anak kecil itu sebagai sedekah. Katanya , "Dik, ambil wang ini. Saya tidak mahu beli kuih adik. Anggap saja ini sedekah dari saya buat adik."

Anak kecil itu menerima wang pemberian pemuda lalu memberikannya kepada seorang pengemis yang sedang meminta-minta. Betapa terkejutnya pemuda itu. "Bagaimana anak ini? Diberi wang tak mahu malah diberikan pada orang lain? . Katanya, "Kenapa kamu berikan wang itu pada pengemis? Mengapa tidak kau ambil saja?

Anak kecil penjaja kuih itu tersenyum lucu menjawab, "Saya sudah berjanji sama ibu di rumah untuk menjualkan kuih buatan ibu, bukan jadi pengemis.Dan saya bangga pulang ke rumah bertemu ibu kalau kuih buatan ibu terjual habis. Wang yang saya berikan kepada ibu hasil usaha kerja keras saya. Ibu saya tidak suka saya menjadi pengemis".

Pemuda itu kagum dengan kata-kata yang diucapkan oleh penjaja kuih yang masih sangat kecil itu. Baginya "kerja adalah sebuah kehormatan". Kehormatan anak kecil itu akan berkurang dihadapan ibunya, bila dia tidak bekerja keras dan berhasil menjajakan kuih. Dan, adalah satu penghinaan bagi sang ibu bila anaknya menjadi pengemis. Dia ingin setiap kali pulang ke rumah melihat ibunya tersenyum menyambut kepulangannya. Senyuman bonda

yang tulus dia balas dengan kerja yang terbaik dan menghasilkan pendapatan yang halal.

*...Anak kecil penjaja kuih  
itu tersenyum lucu  
menjawab, "saya sudah  
berjanji sama ibu di rumah  
untuk menjualkan kuih  
buatan ibu, bukan jadi  
pengemis.Dan saya  
bangga pulang ke rumah  
bertemu ibu kalau kuih  
buatan ibu terjual habis.  
Wang yang saya berikan  
kepada ibu hasil usaha  
kerja keras saya. Ibu saya  
tidak suka saya menjadi  
pengemis".*

Akhir cerita, pemuda tadi membongkar semua kuih yang dijajakan anak kecil itu. Bukan kerana kasihan, bukan kerana lapar tapi kerana prinsip yang dimiliki anak kecil itu "kerja adalah sebuah kehormatan". Dia akan mendapatkan wang kalau dia sudah bekerja dengan baik.

Semoga cerita di atas dapat menyedarkan kita tentang erti pentingnya kerja. Bukan sekadar untuk wang semata-mata. Jangan sampai mata kita menjadi "hijau" kerana wang sehingga melupakan apa erti pentingnya kebanggaan kerjaya yang kita miliki. Sekecil apapun kerjaya itu, kalau kita kerjakan dengan sungguh-sungguh, pastilah akan bererti besar sekurang-kurangnya pada diri kita.

## AKTIVITI SUKAN SUKU TAHUN KEEMPAT 2003

**A**ktiviti sukan untuk tempuh suku tahun keempat 2003 telah dilaksanakan sebagaimana yang dirancang. Antara kejohanan-kejohanan yang telah dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

### Badminton Berpasukan

Kejohanan yang diadakan di Dewan Badminton OJ, MSSK Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu itu telah disertai seramai 72 orang ahli. Dari jumlah penyertaan tersebut terbentuk 6 pasukan yang telah diadakan perlawanan secara liga kumpulan. Perlawanan yang memakan masa 4 jam itu telah diadakan pada 21 September 2003 mulai jam 8.00 malam - 12.00 malam. Pasukan Ferrari telah muncul sebagai johan, tempat kedua pasukan BMW, manakala tempat ketiga/keempat pasukan Porsche dan Jaguar. Format perlawanan ialah 4 Regu terbuka dan satu Regu wanita.

### Kejohanan Putting Golf

Telah diadakan di Perdana Resort pada 4 Oktober 2003 dan disertai seramai 20 orang ahli yang dikategorikan kepada 3 acara, iaitu Perseorangan Lelaki, Perseorangan Wanita dan Bergu. Selain ahli-ahli, penyertaan juga dibuka kepada keluarga ahli. Pembahagian hadiah dalam bentuk hamper telah disampaikan pada hari tersebut oleh Tuan Yang Dipertua KSK PKINK.

### Kejohanan Futsal

Kejohanan diatas telah diadakan pada 11 Oktober 2003, bertempat di Dewan Futsal ITD, Jalan Padang Golf, Pengkalan Chepa. Buat pertama kalinya kejohanan dalam dewan diadakan bagi menggantikan perlawanan atas padang. Sambutan ahli-ahli menggalakkan dimana seramai 36 ahli telah hadir dan sebanyak 6 pasukan telah dibentuk yang terdiri dari 6 orang satu pasukan. Pasukan Beruang telah muncul sebagai johan, pasukan Harimau naib johan, pasukan Sings tempat ketiga dan pasukan Buaya tempat keempat.

### Kejohanan Kerom

Kejohanan kerom terbuka KSK PKINK 2003 telah diadakan di Tingkat 6, Bangunan PKINK bermula pada 14 Disember 2003 dan sehingga kini masih lagi berjalan. Antara perlawanan yang telah berakhir ialah perseorangan lelaki yang bermula pada 14 Disember dan berakhir pada 22 Disember yang mana telah disertai oleh seramai 72 orang ahli. Nik Ab. Kadir Husein telah muncul sebagai Johan, Tengku Petra Wook Naib Johan, Mat Jali Mat Junus tempat ketiga dan Amran Ahmad tempat Keempat. Bagi acara perseorangan wanita yang bermula pada 22 hingga 24 Disember 2003, Surina Ab. Ghani telah muncul sebagai Johan, Zaiton Azahari Naib Johan, Anis Ismail tempat

ketiga dan Noorha Md. Zain tempat keempat. Bagi acara bergu masih lagi dalam permainan, manakala acara berpasukan dijangka awal Januari 2004.

Selain kejohanan tahunan, juga diadakan kejohanan-kejohanan lain seperti manapun berikut:

Kejohanan Badminton antara Syarikat yang telah diadakan pada 17 Oktober 2003 bertempat di Dewan Badminton MSSK, Jalan Telipot, Kota Bharu mulai jam 3.00 petang - 7.00 petang. Kejohanan yang disertai oleh 3 pasukan, iaitu Pasukan PKINK, Pasukan Kumpulan Permodalan Kelantan Bhd dan Pasukan Pilihan Syarikat memberarkan pemain-pemain dari berbagai peringkat pengurusan. Kejohanan diadakan dalam 9 acara bergu terdiri dari 2 bergu VVIP, 2 bergu VIP, 3 regu terbuka, 1 regu wanita dan 1 regu campuran. Pasukan PKINK telah muncul sebagai johan dan diikuti oleh Pasukan Pilihan Syarikat Anak dan Pasukan Kumpulan Permodalan Kelantan Bhd. Hadiah-hadiah berupa hamper dan barangan telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Eksekutif PKINK (P&P dan HEK).


Kejohanan Kerom berpasukan antara Syarikat telah diadakan pada 14 Oktober 2003 bertempat di Tingkat 6, Bangunan PKINK mulai jam 5.00 - 7.00 petang. Sebanyak 4 pasukan telah menyertai kejohanan tersebut yang terdiri dari Pasukan PKINK (A), PKINK (B), Pilihan Syarikat Anak dan Pilihan Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd. Format pertandingan ialah dua bergu dan satu bergu campuran. Kejohanan tersebut telah dimenangi oleh Pasukan Pilihan Syarikat Anak tempat pertama, PKINK (A) tempat kedua, PKINK (B) tempat ketiga dan Pilihan KPK tempat keempat. Hadiah-hadiah berupa barangan telah disampaikan oleh Hj. Baharuddin Harun.



Para peserta yang mengambil bahagian di dalam perlawanan badminton berpasukan.

# PANGSAPURI SRI KEMUMIN 5 TINGKAT BERLIF PENGKALAN CHEPA, KOTA BHARU

پنجمی پنجمی پنجمی پنجمی پنجمی پنجمی




Harga Dari  
RM 102,500 - RM 117,500  
(BERSIH)

Hanya RM 500  
Wang Pendahuluan

Note: Lukisan dan gambar yang terdapat pada Iklan ini hanyalah pandangan selepas sebenarnya.

- Berdekatan dengan Institusi Pendidikan, Maktab Penguruan, Sekolah Berasrama Penuh;
- Hanya 2 km dari Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra;
- Berdekatan Dengan Padang Golf (Selanian Golf & Country Club);
- Persekutuan Tempat Rekreasi & Riauah;
- Lokasi & laluan yang strategik.



Untuk Tempahan Sila Hubungi Segera:  
**BINARRYA PKINK SDN. BHD.** (72017-U)  
(Syarikat Pemaju Perumahan milik Kumpulan Kemajuan Masa Depan Negara Kedah) PT. 180, BANGUNAN BINARAYA, JALAN PADANG GARONG,  
15000 KOTA BHARU, KELANTAN.  
: 09-7445594 / 7448888

: 09-7486905